

28/02/2004

Pelajar IPTA patut elak cipta rekod remeh temeh

M Zamhari Tahir

MENCIPTA dan mengekalkan rekod yang cemerlang menjadi impian bagi kebanyakan daripada kita tanpa mengira bidang diinginkan. Dalam hal ini, kita sebagai rakyat Malaysia memang patut berbangga kerana memiliki Menara Petronas yang masih bangunan berkembar tertinggi di dunia.

Sebagaimana kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad walaupun ketinggiannya telahpun diatasi oleh bangunan Taipei 101 di Taiwan ia tetap berdiri tegak dan mercu tanda kemakmuran dan keteguhan kepemimpinan kita.

Begitu juga dengan saiz dan kecanggihan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, antara terbesar dan terancang. Ini selain Projek Multimedia Super Corridor (MSC), kereta nasional, jambatan Pulau Pinang serta Menara Kuala Lumpur.

Begitu juga kita tidak melupakan kegigihan Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layarnya, Datuk Malik Mydin berenang merentasi Selat Inggeris, Mohanadas Nagappan dan M Magendran menawan puncak Everest (sekadar menyebut beberapa nama) serta enam belas orang rakyat Malaysia, termasuk seorang wanita, menjadi kumpulan orang Asia yang pertama terjun dari kapal terbang di Kutub Utara apabila mereka membuat penerjunan bebas di kawasan tersejuk dunia itu.

Ini membuktikan rakyat Malaysia mampu mengharumkan nama negara pada peringkat dunia ataupun setidak-tidaknya tercatat sebagai antara rekod yang wajib dikenang dalam buku Malaysia Book of Records.

Buku Malaysia Book of Records yang menjadi saksi rekod-rekod gah itu secara sedar atau tidak juga turut menyaksikan terciptanya rekod yang remeh dan memualkan.

Apa yang menghairankan ialah yang mencipta rekod bukannya penduduk sesebuah mukim atau daerah tetapi pelajar universiti yang peranan mereka diiktiraf sebagai bakal pemimpin masa depan.

Sebagai contoh, beberapa bulan lalu sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berbangga dengan mencipta rekod 'Sate Terpanjang' iaitu 90.6 meter melalui kategori Pencapaian Manusia hasil usahasama dengan sebuah syarikat memproses sate Bumiputera.

Sebanyak 4,000 cucuk sate direkodkan. Rekod sebegini adalah terlalu mudah untuk dicipta memandangkan syarikat itu mendakwa mampu mengeluarkan lebih 70,000 cucuk sate sehari untuk keperluan pelanggan.

Begitu juga dengan istilah 'sate terpanjang' rupanya hanya pada nama sedangkan pada zahirnya bilangan cucuk sate yang diambil kira.

IPTA yang sama juga pernah berbangga dengan rekod 'Bendera Jalur Gemilang Terpanjang' sejauh 2.14 km sebelum dipecahkan oleh sebuah lagi IPTA tempatan.

Sebagai IPTA yang dikelolakan oleh kerajaan, adalah lebih manis jika rekod yang dicipta adalah hasil daripada kejayaan melalui penyelidikan, penemuan terbaru, penciptaan mahupun pembangunan produk atau sebarang bakat yang luar biasa.

Bagaimana IPTA yang sama hanya mampu terfikir untuk mencatatkan rekod terpanjang berturut-turut seperti 'Lemang Terpanjang' dicapai pada 2002?

Adakah dengan terciptanya rekod sebegini meningkatkan lagi semangat patriotik pelajar universiti kepada negara ataupun sekadar mempromosikan kejayaan IPTA terbabit?

Malah saya lebih terharu dan kagum dengan kesungguhan 50 orang kurang upaya yang lebih separuh daripadanya cacat pendengaran yang baru-baru ini mencipta rekod ekspedisi berkayak menyusuri Sungai Kelantan sejauh 260

kilometer.

Ekspedisi ini yang dianjurkan oleh Sekretariat Rakan Muda sebuah politeknik di negeri Kelantan turut disertai oleh 50 pelajar politeknik berkenaan .

Pada perkiraan mata kasar saya, tidak sepatutnya buku rekod yang terkenal dengan standard keseragaman buku rekod dunia memilih untuk menambah koleksi rekod rakyat Malaysia melalui daya usaha bijak pandai di universiti yang lebih menjurus kepada aktiviti kenduri-kendara dan gotong-royong dalam merealisasikan impian mereka.

Biarlah kita mencerminkan keupayaan sebenar rakyat Malaysia khususnya pelajar universiti tanpa meniru rekod remeh dari negara lain dengan menghasilkan rekod yang melucukan.

Setidak-tidaknya buktikan kita mampu mencipta sesuatu rekod di peringkat kebangsaan mahupun dunia dengan keupayaan yang luar biasa serta mengagumkan dan bukannya yang biasa-biasa serta mengenyangkan.

M ZAMHARI TAHIR,
Lembah Sintok, Kedah.